

Elemen Utama dalam Pembentukan Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia

Main Elements in The Formation of Self-Identity of Malaysian Youth Volunteerism

Mohd Mahadee Ismail^{1*}, Ku Hasnita Ku Samsu², Lee Yok Fee³, Marzudi Md Yunus⁴, Khairol Anuar Kamri⁵, Hairol Anuar Mak Din⁶, Mohd Sabri Md Nor⁷, Zatul Himmah Adnan⁸ & Nur Shaqirah Md Yunan⁹

^{1,2,3,7,8,9} Jabatan Pengajian Kenagaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;

⁴ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia;

⁵ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia;

⁶ Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia;

Article progress

Received: 2 September 2024

Accepted: 30 September 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:
Mohd Mahadee Ismail, Jabatan Pengajian Kenagaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;
Email: mahadee@upm.edu.my;

Abstrak: Globalisasi, pemodenan dan kecanggihan teknologi terkini mengubah nilai dan norma masyarakat, menggugatkan tradisi kesukarelawanan dan menyebabkan skor indikator sukarelawan belia Malaysia telah menunjukkan penurunan. Apabila masyarakat menjadi lebih materialistik dan individualistik, semangat bantu-membantu, tradisi berkongsi dan semangat kesukarelawanan semakin meluntur. Kajian Penilaian Hasil Indeks Belia Malaysia 2019 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menunjukkan bahawa indikator sukarelawan, di bawah Domain Identiti, masih berada pada tahap sederhana dengan skor 60.93 peratus. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi jati diri kesukarelawanan belia Malaysia melalui elemen dalaman dan luaran yang membawa implikasi signifikan terhadap karakter atau personaliti belia. Metodologi yang telah diaplikasi ialah Nominal Group Technique (NGT) yang dilaksanakan dalam kalangan 20 orang informan melibatkan pimpinan utama pertubuhan kesukarelawan di kawasan terpilih. Hasil kajian telah berjaya mengenalpasti elemen dalaman dan luaran yang menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan belia. Elemen dalaman utama yang telah diidentifikasi ialah minat yang mendalam, sikap sedia membantu, nilai jati diri, matlamat hidup, ihsan dan semangat kebersamaan. Sementara itu, elemen luaran yang banyak mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan belia ialah peluang yang terbuka, dorongan keluarga, pengaruh rakan sebaya, faktor agama, pengembangan ilmu dan kerjaya, motivasi ekstrinsik, dan pengaruh media sosial. Berdasarkan kepada hasil kajian, kedua-dua elemen dalaman dan luaran mempunyai pengaruh tersendiri yang signifikan dalam proses pembentukan jati diri kesukarelawanan belia. Maka, kedua-dua elemen tersebut perlu diperkasa dalam usaha untuk terus memupuk dan mendorong golongan belia terlibat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan yang akan membawa implikasi positif kepada prospek pembangunan masyarakat setempat.

Kata kunci: Jati Diri, Kesukarelawanan, Elemen Dalaman, Elemen Luaran, NGT dan Belia Malaysia;

Abstract: Globalization, modernity, and advanced technology developments alter societal values and norms, eroding the tradition of volunteering and resulting in a fall in the volunteer indicator score among Malaysian youth. As society increasingly embraces materialism and

individualism, the ethos of mutual assistance, the tradition of sharing, and the spirit of volunteerism diminish. The 2019 Malaysian Youth Index Results Evaluation Study conducted by the Malaysian Youth Development Research Institute indicates that the volunteer indication within the Identity Domain remains moderate, achieving a score of 60.93 percent. This article seeks to explore the aspects that affect the identity of Malaysian youth volunteering through internal and external elements that significantly impact their character or personality. The Nominal Group Technique (NGT) was implemented among 20 informants involving the critical leadership of volunteering organizations in selected localities. The study results have effectively identified internal and environmental factors that catalyze the formation of young volunteering identity. The primary internal components identified include profound curiosity, readiness to assist, self-esteem, life objectives, politeness, and camaraderie. External factors significantly impacting the development of youth volunteering identities include available possibilities, familial support, peer influence, religious considerations, knowledge and career advancement, extrinsic incentives, and social media influence. According to the study's findings, internal and external factors greatly impact how young people develop their identities as volunteers. Both of these components must be strengthened to continue nurturing and motivating the youth to actively participate in volunteer activities to impact the local community's growth prospects positively.

Keywords: Self-Identity, Volunteerism, Internal Elements, External Elements, NGT and Malaysian Youth;

Pengenalan

Di era dunia tanpa sempadan, pelbagai bentuk pemodenan, kemajuan dan inovasi teknologi tinggi telah berjaya dinikmati oleh manusia. Impaknya, pelbagai bentuk perubahan besar telah berlaku ke atas masyarakat dan negara dari dimensi positif maupun negatif. Dari perspektif positif, pemodenan dan kemajuan canggih ini telah memudahkan akses informasi dan komunikasi, meningkatkan kecekapan, produktiviti dan penghasilan kerja, mempercepatkan proses produksi serta menyediakan bermacam solusi bagi manusia untuk menghadapi cabaran dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhannya. Akan tetapi, pemodenan dan kemajuan ini juga turut membawa impak negatif di mana boleh menyebabkan berlakunya pengasingan sosial, perubahan tingkah laku manusia serta gaya hidup moden dan bermacam lagi. Apa yang ketara, perubahan tersebut bukan sahaja merubah nilai masyarakat ke arah lebih bersifat individualistik dan materialistik (Oesterle et al., 2004; Jardim & da Silva, 2018) tetapi telah menyebabkan masyarakat tidak lagi mengendahkan keadaan sekeliling (Wasitah, 2013) dan telah melunturkan tradisi kesukarelawanan (Saifuddin, 2001) yang sememangnya menjadi suatu amalan hidup bermasyarakat sebelum ini.

Aktiviti kesukarelawanan, keterlibatan dalam

komuniti, tradisi berkongsi dan amalan membantu semakin pudar apabila masyarakat lebih cenderung bersikap individualistik (Clary & Snyder, 1999). Penurunan ini jelas terlihat dalam Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), di mana indikator sukarelawan menunjukkan penurunan skor pada tahun 2011 kepada 65.4 peratus berbanding 67.4 peratus pada tahun 2008 (Wasitah, 2013). Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 juga menunjukkan bahawa dalam Domain Identiti, indikator sukarelawan kekal di tahap sederhana dengan skor 60.93 peratus. Selain itu, laporan program kesukarelawanan oleh NGO dinilai pada tahap 60 peratus, iaitu kategori memuaskan (JBSN, 2019). Kajian oleh Rokiah dan Lilah (2016) juga mendapati bahawa tahap penghayatan belia terhadap semangat kesukarelawanan berada pada tahap yang memuaskan, khususnya bagi konstruk perasaan, di mana kajian mereka menunjukkan semangat kesukarelawanan yang masih lagi rapuh. Menyedari perkembangan yang kurang memberangsangkan ini, pihak kerajaan telah melancarkan pendekatan multi-dimensi untuk meningkatkan penglibatan masyarakat umumnya dan golongan belia khusus dalam aktiviti kesukarelawanan. Langkah-langkah untuk mendukung aktiviti kesukarelawanan serta merancang program pemupukan nilai murni dalam kalangan generasi muda telah dilaksanakan secara berterusan (Wasitah, 2013).

Antara inisiatif yang diambil termasuklah program Rakan Muda, Impact Malaysia, IM4U dan pelbagai lagi termasuklah mengadakan kerjasama dengan pihak NGO yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Semangat kesukarelawanan perlu dipupuk dan ditanam sejak awal kerana ia merupakan asas bagi mewujudkan masyarakat yang prihatin, bertanggungjawab dan saling membantu tanpa mengira agama, etnik atau perbezaan budaya. Usaha memperkasa aktiviti kesukarelawanan sentiasa menjadi keutamaan pihak pemerintah bagi menggalakkan penglibatan generasi muda khususnya dalam aktiviti kemasyarakatan.

Penglibatan golongan muda dalam aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja sebagai satu indikator pembangunan belia semata-mata tetapi melibatkan aspek pembangunan masyarakat secara holistik dan bersepada. Secara umum, belia merujuk kepada golongan muda berusia antara 15 hingga 24 tahun (Ho, et al., 2015; UNESCO, 2012; Weinstock, et al., 2004). Namun, dalam konteks Malaysia, Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 mendefinisikan belia sebagai individu berusia antara 15 hingga 40 tahun. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2014, seramai 13.3 juta orang atau 44 peratus daripada 30,332,995 penduduk di Malaysia tergolong dalam kategori belia, iaitu mereka yang berumur antara 15 hingga 39 tahun (Mohd Rizal, 2014). Dalam sesebuah negara, belia membentuk sebahagian besar komposisi penduduk dan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara (Haslinda et al., 2012). Dari segi sosial, kerajaan Malaysia mengiktiraf belia sebagai pemimpin masa depan yang akan menentukan kesejahteraan negara dan masyarakat. Masa depan negara-bangsa akan ditentukan oleh belia hari ini; jika belia berkualiti, maka cerahlah masa depan negara tersebut.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen dalaman dan luaran yang mempengaruhi jati diri kesukarelawanan belia Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kajian khusus telah dirangka melibatkan pelbagai pertubuhan kesukarelawanan bagi mengidentifikasi elemen dalaman dan luaran yang mempunyai pengaruh signifikan relatif terhadap pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia Malaysia.

Sorotan Literatur

Kesukarelawanan dan Jati Diri

Aktiviti kesukarelawanan merupakan suatu aktiviti yang murni dan amat digalakkan dalam sesebuah masyarakat serta komuniti. Aktiviti ini melibatkan

kerja sukarela, di mana individu mencerahkan bakti, memberi khidmat dan sumbangan untuk membantu orang lain dengan penuh keikhlasan dan tanpa paksaan (Azizan, 2003; Nur Raihan & Azizan, 2013) tanpa menjangkakan atau mengharapkan balasan atau apa-apa ganjaran material dan bebas sepenuhnya dari pengaruh mana-mana pihak (Musick & Wilson, 2003). Menurut Turiman (2009), kesukarelawanan ialah tindakan membantu yang dilakukan oleh individu yang dianggap sangat berharga baginya, dan pada masa yang sama tidak bertujuan untuk memperoleh ganjaran material atau dipaksa oleh pihak lain. Wilson (2000, p. 215) telah mendefinisikan aktiviti kesukarelawanan sebagai “*any activity in which time is given freely to benefit another person, group or cause*”. Dari itu, aktiviti kesukarelawanan dapat dikaitkan dengan kerja-kerja amal dan kebajikan yang dijalankan oleh seseorang individu atau secara berkumpulan terhadap golongan yang memerlukan bantuan. Ia juga berkaitan rapat dengan segala bentuk kerja amal dan kebajikan yang dilakukan tanpa mengharapkan sebarang balasan, sama ada berupa upah, bayaran atau pertukaran barang (Bezruchka, 2000). Eyler (1999) dan Geiser et al. (2014) berpendapat bahawa biasanya tiada unsur mementingkan diri kerana khidmat yang diberikan adalah semata-mata demi kebaikan bersama dalam usaha meningkatkan kualiti hidup manusia. Menurut Roberts et al. (2006), kesukarelawanan lebih cenderung kepada pengasahan kemahiran, sosialisasi dan keseronokan apabila berinteraksi dengan pihak lain. Bagi Xu dan Ngai (2011), kesukarelawanan yang tulen seharusnya membawa kegembiraan dalam membantu, menyediakan sumbangan dan menghulurkan bantuan kepada orang lain, meskipun tanpa ganjaran yang nyata atau tidak nyata. Musick dan Wilson (2003) serta Wilson (2000) mentafsirkan istilah sukarelawan sebagai individu atau kelompok individu yang istimewa dari segi ciri peribadi dan keikhlasan dalam memberikan khidmat sukarela, kerja kemasyarakatan atau usaha kemanusiaan, yang melibatkan aktiviti seperti gotong-royong, bantu-membantu, memberikan sumbangan dan meringankan beban pihak lain. Ia suatu pendekatan istimewa yang lahir dari keikhlasan hati sanubari individu untuk menabur bakti pada orang lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran material.

Apa yang lebih utama, terdapat beberapa aspek tumpuan dalam perbahasan konsep kesukarelawanan yang perlu diberi perhatian merangkumi; (i) sukarelawan dan motivasi diri, di mana sukarelawan adalah individu yang melibatkan diri secara sukarela tanpa memerlukan bayaran atau ganjaran material yang mempunyai perkaitan langsung dengan motivasi diri untuk membantu orang lain, menghulurkan

bantuan atas kesedaran sosial yang tinggi, penghayatan nilai-nilai keagamaan yang kukuh dan bersedia memberikan komitmen terhadap sesuatu tujuan tertentu demi kebaikan masyarakat; (ii) utamakan kepentingan masyarakat, di mana kesukarelawanan biasanya difokuskan kepada sesuatu yang melibatkan kepentingan masyarakat atau kumpulan tertentu. Hal ini merangkumi pelbagai bidang seperti kebajikan sosial, pendidikan, kesihatan, kebersihan alam sekitar, dan bermacam lagi. Jadi, sumbangan yang diberikan itu berteraskan kepada apa yang diperlukan oleh masyarakat demi kepentingan hidup bersama yang tidak pentingkan diri sendiri; (iii) gerakan pertubuhan sukarela yang mana pertubuhan ini tidak bermatlamatkan untuk mendapat keuntungan atau mempunyai agenda tertentu. Pertubuhan sukarela berperanan menjadi medium utama dalam menggerakkan sukarelawan dan bertindak sebagai badan yang mengkoordinasi program tertentu untuk mencapai matlamat bersama. Pertubuhan sukarela ini mungkin berada di bawah naungan kerajaan atau swasta yang dibentuk untuk merealisasikan perjuangan tertentu dan mencapai matlamat terkhusus untuk kepentingan negara dan masyarakat; (iv) adanya penerima manfaat. Aktiviti kesukarelawanan bertujuan memberi manfaat kepada pihak yang memerlukan. Aktiviti ini boleh merangkumi tindakan membantu golongan miskin, menyokong pendidikan, menyediakan bantuan kemanusiaan, atau menyokong sebarang usaha yang menyumbang kepada kebaikan masyarakat; (v) pembangunan diri di mana penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan secara langsung dapat membantu pembangunan diri sukarelawan itu sendiri. Mereka dapat mengembangkan kemahiran baru, memperluas rangkaian kenalan dan meningkatkan kesedaran sosial serta kefahaman terhadap isu-isu masyarakat. Kesukarelawan juga adalah peluang untuk pembangunan kemahiran dan pengembangan kurikulum (Jardim & da Silva, 2018); (vi) kesedaran sosial dapat ditingkatkan terhadap isu-isu kemasyarakatan. Sukarelawan sering menjadi jurucakap dan penyokong untuk isu-isu yang memerlukan perhatian, membantu meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat; dan (vii) kepentingan kerjasama di mana aktiviti kesukarelawanan akan melibatkan kerjasama antara individu dan kumpulan. Kerjasama ini penting untuk mencapai matlamat yang lebih besar dan memberi kesan yang lebih bermakna kepada masyarakat umumnya. Secara keseluruhannya, konsep kesukarelawanan tertumpu kepada tindakan individu yang membawa makna kebajikan sosial yang mendalam terhadap komuniti atau masyarakat.

Dalam pemupukan semangat kesukarelawanan,

elemen jati diri individu amat penting dalam mempengaruhi penglibatan seseorang dalam aktiviti khidmat bakti kepada masyarakat. Jati diri membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa (Adibah et al., 2019). Secara asasnya, jati diri merujuk kepada keperibadian atau sahsiah seseorang, malah ia juga merujuk kepada identiti diri. Jati diri berkaitan dengan intipati seseorang atau dalam konteks bangsa, berdasarkan konsep penghayatan nilai, pandangan dan pemikiran, sikap, gaya hidup, serta pegangan atau prinsip (Azzurin & Mas Rynna Wati, 2018). Jati diri yang terbentuk dalam diri seseorang merupakan hasil pembentukan yang kukuh daripada pengalaman hidup dan pandangan dunia individu tersebut, iaitu melalui proses sosiologikal imiginasi yang dilaluinya. Proses pembentukan personaliti dan identiti individu berlaku secara dinamik dan diperlihatkan sebagai sesuatu yang bersifat struktural (Azzurin & Mas Rynna Wati, 2018). Pengaplikasian jati diri dalam diri manusia menunjukkan ketahanan dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan nilai (Azzurin & Mas Rynna Wati, 2018). Elemen-elemen jati diri ini dilihat mempunyai perkaitan yang signifikan dalam mempengaruhi individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan.

Penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan bukanlah suatu perkara yang baru, tetapi ia telah menjadi suatu aktiviti yang lumrah sejak zaman berzaman lagi. Dari itu, banyak kajian berkaitan dengan aktiviti kesurelawanan telah dijalankan oleh para sarjana sebelum ini. Kajian tentang kesukarelawanan dalam kalangan belia misalnya telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu seperti Faridah (2005), Ahmad Al-Hafiz (2005), Siti Norkhadhijah (2007), Mohd Irwan (2008) dan Norhafizah (2008). Kajian Faridah (2005) telah melihat perkaitan di antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan mahasiswa dalam kerja-kerja kesukarelawanan di peringkat komuniti. Hasil kajian beliau menunjukkan tahap penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan di peringkat komuniti agak rendah. Selain itu, kajian beliau turut mendapati bahawa beban kursus, CGPA, pendapatan isi rumah dan tahap pengetahuan bukanlah faktor penentu kepada tahap penglibatan mahasiswa dalam kerja-kerja kesukarelawanan (Faridah, 2005).

Kajian Ahmad Al-Hafiz (2005) melihat penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti kesukarelawanan melalui pelbagai organisasi. Hasil kajian beliau menunjukkan tahap penglibatan mahasiswa dan kesedaran tentang kepentingan menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat

masih lagi rendah. Siti Norkhadhijah (2007) melihat pengaruh ciri personaliti prososial dan motivasi terhadap penglibatan semasa dalam aktiviti kesukarelawanan di kalangan mahasiswa. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara penglibatan semasa aktiviti kesukarelawanan dengan ciri personaliti prososial dan di antara penglibatan semasa aktiviti kesukarelawanan dengan pengaruh motivasi. Kajian Mohd Irwan (2008) melihat tahap pengetahuan, jenis kerja kesukarelawanan dan tahap penglibatan mahasiswa dalam kerja kesukarelawanan komuniti. Hasil kajian beliau menunjukkan mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang aktiviti kesukarelawanan tetapi tahap penglibatan mereka adalah rendah. Di samping itu, kajian beliau juga menunjukkan mahasiswa banyak terlibat dengan jenis-jenis kerja kesukarelawanan melalui program khas seperti Bakti Siswa, Program Kampung Angkat, Kempen Kitar Semula, Kutipan Derma dan Kempen Derma Darah. Sementara itu, kajian Norhafizah (2008) telah menentukan perkaitan antara motivasi diri dan tahap penglibatan melakukan kerja-kerja kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti kesukarelawanan, jenis aktiviti dan motivasi diri dengan tahap penglibatan mahasiswa melakukan kerja-kerja kesukarelawanan.

Kajian oleh Tajul Arifin dan Aishah Nadirah (2013) mengenai motif penglibatan sukarelawan dalam aktiviti sukan mendapati bahawa faktor pemahaman dan nilai murni adalah faktor motivasi utama yang mendorong penglibatan sukarelawan dalam bidang tersebut. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa faktor gender tidak mempengaruhi motif penglibatan sukarelawan sukan, serta terdapat perbezaan signifikan antara sukarelawan lelaki dan perempuan dalam penglibatan yang bermotifkan nilai dan pemahaman. Shariffah (2013) telah menjalankan kajian terhadap sukarelawan yang menyertai program My Beautiful Malaysia Day 2013 dan mendapati bahawa peserta program cukup terju dengan aktiviti yang telah dijalankan serta berpendapat aktiviti sedemikian dapat memupuk semangat dan nilai kesukarelawanan. Nur Raihan dan Azizan (2013) memfokuskan kajian mereka tentang motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja-kerja sukarela dan mendapati sukarelawan mempunyai tahap motivasi yang tinggi melalui faktor nilai, kefahaman, perlindungan, kerjaya, sosial, dan peningkatan (estim diri). Dapatkan ini menyokong hasil kajian Sharififar et al. (2011) yang menekankan aspek motivasi dalam kesukarelawanan dan hubungannya dengan minat serta komitmen sukarelawan. Kajian

tersebut mendapati bahawa faktor motivasi memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat dan komitmen seseorang sukarelawan.

Tuan Pah Rokiah dan Lilah (2016) menumpukan kajian mereka pada kesukarelawanan dalam konteks tahap penghayatan belia melalui enam konstruk penghayatan, iaitu kefahaman, perasaan, kepercayaan, amalan, sikap dan motivasi. Hasil kajian mereka mendapati bahawa tahap penghayatan belia terhadap semangat kesukarelawanan adalah memuaskan, kecuali dalam konstruk perasaan dan motivasi. Dalam aspek perasaan, kajian menunjukkan bahawa semangat kesukarelawanan belia masih lemah kerana mereka kurang sanggup atau tidak seronok terlibat dalam aktiviti sukarelawan di kawasan yang berpenyakit, kotor dan kekurangan kemudahan awam. Manakala Norehan (2018) yang mengkaji tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dan kesannya terhadap kesejahteraan diri mendapati penglibatan yang sederhana tinggi. Kajian tersebut juga menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor-faktor peribadi, termasuk kepercayaan agama, sifat altruisme dan perasaan belas kasihan. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa faktor pengaruh sosial seperti pengaruh sokongan ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya, serta pengaruh media massa juga berperanan penting. Di samping itu, faktor berkaitan dengan ciri-ciri pertubuhan sukarela, seperti kepimpinan dan pengurusan sukarelawan, insentif dan reputasi, turut mempengaruhi tahap penglibatan seseorang individu dalam khidmat sukarela.

Ironinya, terdapat banyak faktor atau elemen yang mempengaruhi penglibatan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan telahpun difokuskan oleh para pengkaji lepas. Namun begitu, kajian spesifik terhadap elemen-elemen yang membentuk jati diri kesukarelawanan jarang diberikan perhatian khusus. Lantaran itu, kajian ini meletakkan sasaran yang jelas untuk mengenalpasti elemen dalaman dan luaran yang mempengaruhi jati diri kesukarelawanan belia Malaysia dalam usaha untuk mengisi kekosongan korpus ilmu yang jarang dirangka secara terarah oleh pengkaji sebelum ini.

Metodologi Kajian

Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) diaplikasi bagi memperolehi data asas tentang elemen-elemen yang dapat membentuk dan memupuk jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia Malaysia. Pelaksanaan NGT ini telah dijalankan sebanyak 2 pusingan, iaitu melibatkan seramai 10 orang informan

bagi setiap pusingan, menjadikan jumlah keseluruhan informan NGT ialah seramai 20 orang. Pusingan pertama melibatkan Zon Tengah (Selangor), manakala pusingan kedua melibatkan Zon Timur (Pahang). Informan yang terlibat terdiri daripada beberapa wakil pertubuhan kesukarelawanan terpilih khususnya dalam kalangan penggerak utama pertubuhan kesukarelawanan seperti Presiden/Pengerusi, Setiausaha, AJK Induk, Penyelaras dan sebagainya. Informan NGT dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan dengan mengambil kira kepelbagai etnik dan peringkat umur (kategori belia) untuk mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh mengenai fokus kajian. NGT adalah kaedah yang sesuai untuk menentukan keutamaan idea asas daripada para informan. Informan diminta untuk menginterpretasikan keadaan yang wujud di persekitaran mereka berdasarkan kefahaman dan pengalaman peribadi yang dilalui. Dengan teknik ini, semua informan diberi peluang yang sama untuk menyuarakan dan mengemukakan pandangan serta idea mereka mengenai isu atau persoalan yang dibangkitkan. Idea dan pandangan tersebut kemudian dikongsi dengan informan lain melalui penulisan di atas kertas dan penerangan dalam bentuk *round-robin* atau bergilir-gilir. Setelah itu, idea dan pandangan yang dikemukakan akan dibincangkan dengan lebih terperinci untuk memastikan maksud sebenar disampaikan dengan jelas. Idea-idea yang serupa akan digabungkan mengikut kesesuaian dan dikelompokkan kepada tema-tema tertentu yang perlu dipersetujui oleh semua informan. Kemudian, setiap pilihan akan dinilai berdasarkan keutamaan melalui proses *ranking*. Akhirnya, sepuluh idea dengan *ranking* tertinggi akan dibincangkan semula untuk mendapatkan persetujuan akhir daripada setiap informan. Data kualitatif yang dikumpulkan melalui NGT ini akan dianalisis menggunakan analisis kandungan mengikut keutamaan yang telah dipersetujui oleh semua informan terlibat.

Hasil Kajian

Hasil kajian NGT yang diperolehi telah diklasifikasikan kepada dua kategori utama iaitu elemen dalaman dan luaran yang membentuk jati diri kesukarelawanan belia Malaysia. Kedua-dua elemen dalaman dan luaran tersebut didapati saling terkait antara satu sama lain secara langsung mahupun secara tidak langsung. Hasil kajian kedua-dua elemen tersebut telah disusun berdasarkan kepada ranking yang telah dipersetujui oleh para informan NGT. Ini bermakna, lagi tinggi ranking sesuatu item, lagi penting aspek tersebut dalam pembentukan jati diri kesukarelawanan belia. Walaupun begitu, setiap item

yang tersenarai dalam kesemua kategori mempunyai impak masing-masing yang terkait di antara satu sama lain. Ini menunjukkan setiap item yang disenaraikan walaupun berbeza dari segi keutamaannya tetap penting dalam usaha untuk memastikan jati diri kesukarelawanan itu dapat dipupuk dalam kalangan belia.

Jadual 1. Elemen Dalaman Pembentukan Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia.

HASIL KAJIAN	ELEMEN DALAMAN
Mempunyai minat kesukarelawan yang tinggi (MINAT)	
Sentiasa bersedia untuk menolong dalam apa jua keadaan tanpa harus diminta (SIKAP)	
Nilai jati diri yang baik (NILAI DIRI)	
Mempunyai matlamat yang jelas berdasarkan misi dan visi (MATLAMAT HIDUP)	
Meletakkan diri pada keadaan orang lain tanpa merugikan diri sendiri (IHSAH)	
Kepentingan bekerjasama secara berkumpulan bagi mencapai matlamat (SEMANGAT)	

Hasil kajian telah mengidentifikasi bahawa terdapat enam elemen dalaman yang mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia iaitu; (i) mempunyai minat kesukarelawan yang tinggi; (ii) sikap yang sentiasa bersedia untuk menolong dalam apa jua keadaan tanpa harus diminta; (iii) mempunyai nilai jati diri yang baik; (iv) mempunyai matlamat yang jelas berdasarkan misi dan visi; (v) meletakkan diri pada keadaan orang lain tanpa merugikan diri sendiri; dan (vi) kepentingan bekerjasama secara berkumpulan bagi mencapai sesuatu matlamat.

Jadual 2. Elemen Luaran Pembentukan Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia.

HASIL KAJIAN	ELEMEN LUARAN
Ruang untuk menambah ilmu dan pengalaman (PELUANG)	
Asas didikan keluarga yang kukuh (KELUARGA)	
Pengaruh rakan sebaya (RAKAN SEBAYA)	
Dorongan agama (AGAMA)	
Ruang kepada kepakaran dan kemahiran (ILMU)	
Peluang perkembangan kerjaya (KERJAYA)	
Pengaruh motivasi ektrinsik (MOTIVASI)	
Kecenderungan media sosial dan isu semasa (MEDIA SOSIAL)	

Dalam pada itu, hasil kajian turut mengidentifikasi bahawa terdapat lapan elemen luaran yang mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia iaitu; (i) ruang dan peluang untuk menambah ilmu dan pengalaman; (ii) asas didikan keluarga yang kukuh; (iii) pengaruh rakan sebaya; (iv) dorongan agama; (v) ruang kepada

kepakaran dan kemahiran; (vi) peluang perkembangan kerjaya; (vii) pengaruh motivasi ekstrinsik; dan (viii) kecenderungan media sosial dan isu semasa.

Perbincangan

Tuntasnya, kajian ini mendapati kedua-dua elemen dalaman dan luaran mempunyai implikasi signifikan bagi pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia. Apa yang utama ialah penerapan nilai murni dalam diri seseorang akan melahirkan kesedaran diri yang tinggi, mengukuhkan jati diri individu, personaliti dan karakter yang berpaksikan kepentingan masyarakat. Realitinya, dalam usaha membentuk jati diri kesukarelawanan, elemen dalaman pada diri individu perlu diberikan keutamaan iaitu minat, sikap, nilai diri, matlamat hidup, ihsan dan semangat. Minat akan mempengaruhi kecenderungan atau keinginan yang mendalam seseorang individu terhadap sesuatu aktiviti atau isu tertentu. Minat yang tinggi dapat meningkatkan kegairahan dan komitmen seseorang terhadap usaha sukarelawan. Selain itu, sikap pula akan mempengaruhi pandangan, penilaian, dan respons emosional terhadap sesuatu isu atau situasi. Sikap yang positif terhadap kesukarelawanan dapat membantu individu mengatasi cabaran dan tetap komited pada tujuan sukarelawan. Begitu juga nilai diri akan mempengaruhi pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara, integriti, dan harga diri sendiri. Nilai diri yang kukuh membentuk kestabilan emosi dan kepercayaan diri dalam menjalankan tugas sukarelawan. Seterusnya matlamat hidup merujuk kepada hasrat jangka panjang atau objektif utama dalam kehidupan seseorang. Matlamat hidup yang berkaitan dengan sukarelawan dapat memberikan arah dan makna kepada usaha sukarela yang dilakukan oleh seseorang itu. Ihsan pula ialah keprihatinan, cakna dan keinsafan pada diri individu yang akan mempengaruhi tindakan seseorang untuk memberi tanpa mengharapkan balasan dan menunjukkan kebaikan hati kepada orang lain. Sikap ihsan akan memperkuuhkan semangat kesukarelawanan dan mengukuhkan rasa tanggungjawab sosial. Selain itu, semangat juga penting yang menjadi dorongan dalaman bagi menggerakkan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat atau tujuan. Semangat yang tinggi dapat mengatasi rintangan dan menjaga kegigihan dalam usaha sukarela.

Kesemua enam elemen dalaman tersebut dilihat menjadi pemangkin utama bukan sahaja bagi membentuk personaliti dan karakter kesukarelawanan tetapi secara langsung akan mengukuhkan jati diri individu yang diperlukan oleh masyarakat.

Sepertimana yang ditekankan oleh Tessier et. al (2006), antara faktor utama yang dilihat dapat mempertingkatkan penglibatan golongan belia secara berterusan dalam aktiviti kesukarelawanan ialah dengan cara menimbulkan kesedaran kesukarelaan dan menerapkan nilai yang tinggi serta sentiasa menghargai penglibatan mereka dalam aktiviti tersebut. Penerapan nilai kesukarelawanan akan membentuk seorang individu yang positif, membantu para belia membina kemahiran kepemimpinan, kemahiran membuat keputusan, menjadi bahagian yang berharga dalam mikrosistem belia serta dapat membantu mempersiapkan belia untuk kerjaya masa depan (Grant el. al, 2020). Apa yang nyata, banyak kajian telah mengesahkan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan mempunyai kesan positif terhadap pelbagai aspek perkembangan diri belia seperti perkembangan sosial, kognitif dan psikologi (Kuperminc et al., 2001), pengembangan identiti dan kesedaran politik (Youniss et al., 2001), pengurangan faktor risiko (Allen et al., 1994), dan pengembangan autonomi serta perasaan kekitaan bersama (Allen et al., 1994; McKinney, 2002). Dari itu, untuk membentuk jati diri kesukarelawanan, elemen dalaman perlu dijadikan sebagai teras utama yang mendasari personaliti dan karakter belia.

Di samping itu, elemen luaran juga penting dalam membentuk jati diri kesukarelawanan mencakupi aspek peluang, keluarga, rakan sebaya, agama, ilmu, kerjaya, motivasi dan media sosial. Ini bermakna faktor persekitaran individu juga menjadi pemangkin kepada terbentuknya jati diri kesukarelawanan, personaliti dan karakter yang berteraskan kepentingan masyarakat. Ketersediaan peluang sukarelawan yang beraneka ragam dapat meningkatkan kepelbagai dan penglibatan sukarelawan. Ini memberikan implikasi positif terhadap pembangunan kemahiran, pengetahuan, dan nilai kesukarelawanan dalam masyarakat. Begitu juga sokongan keluarga yang kuat dapat menjadi pemangkin utama dalam pembentukan identiti sukarelawan. Dorongan keluarga akan mempengaruhi kecenderungan individu, lebih berdaya dan komited terhadap usaha sukarela mereka, memberikan kesan positif kepada kestabilan emosi serta kepercayaan diri. Pengaruh positif rakan sebaya sememangnya dapat memperkuuh semangat kesukarelawanan dan membentuk persekitaran yang sokongan yang kuat. Implikasinya, individu cenderung terus terinspirasi dan terlibat dalam tugas sukarela melalui rangsangan dari rakan sebaya atau sahabat karib mereka. Pegangan agama sememangnya akan membentuk kerangka moral yang kuat dalam konteks kesukarelawanan. Dorongan agama bukan sahaja dalam keinsafan untuk menambah pahala tetapi akan menjadi seseorang individu untuk lebih

cenderung menjalankan aktiviti sukarela dengan penuh penghayatan, integriti dan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial. Dalam konteks ilmu, pengetahuan mendalam mengenai isu-isu sosial dan pendekatan berfikir yang kritis dapat memperkuat kecenderungan kesukarelawanan. Natijahnya, individu akan lebih cenderung untuk menyumbang secara lebih strategik dan efektif dalam memenuhi keperluan serta menangani cabaran masyarakat. Schlegelmilch dan Tynan (1989) berpendapat bahawa golongan muda perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka kerana ia merupakan asas penting untuk pembangunan diri dan potensi dalam melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan. Dalam pada itu, integrasi sukarelawan dengan kerjaya atau kemahiran profesional membuka pintu kepada potensi kolaborasi dan impak yang lebih besar. Keadaan ini akan mempengaruhi individu untuk terus menyumbang dalam bidang yang memanfaatkan keahlian dan pengalaman profesional mereka. Penglibatan dalam aktiviti sukarela memberikan peluang kepada golongan belia untuk mengembangkan potensi diri mereka, seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah dan perspektif kerjasama dengan orang lain. Kemahiran ini seterusnya dapat membantu individu dalam memperluaskan peluang dalam bidang kerjaya mereka (Saifuddin, 2001) secara langsung mahupun tidak langsung. Pengaruh motivasi ekstrinsik seperti keseronokan melakukan aktiviti kesukarelawanan dan keinsafan terhadap penderitaan yang dialami oleh orang lain turut menjadi pendorong utama dalam mencapai matlamat sukarelawan. Hal ini akan menjadikan individu lebih cenderung menghadapi rintangan dengan mantap dan gigih, serta akan mempertahankan komitmen terhadap usaha sukarela mereka. Dalam konteks media sosial, pemanfaatan media sosial dapat mempercepat penyebaran kesedaran dan mobilitasi sukarelawan di mana dapat mendorong individu untuk cenderung terlibat dalam perbincangan dan gerakan sukarelawan secara global, memperluas impak positif mereka. Berdasarkan kepada elemen luaran ini, ternyata bahawa proses sosialisasi yang dilalui oleh seseorang individu akan mempengaruhi sosiologikal imiginasi mereka khusus dalam konteks pembentukan jati diri belia yang unggul.

Aktiviti kesukarelawanan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat kerana sukarelawan dapat menyumbang kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga mereka (Dorsch et al., 2002 demi untuk kesejahteraan bersama. Tanpa khidmat sukarelawan, banyak aktiviti dalam masyarakat dan pelbagai sektor lain tidak dapat beroperasi dengan lancar (Wu et al., 2009). Sehubungan dengan itu, penglibatan belia dalam

aktiviti kesukarelawanan amat digalakkan bukan sahaja untuk membantu pembangunan dalam masyarakat, meringankan beban mangsa sesuatu bencana malah dapat menggalakkan penglibatan dalam aktiviti yang sihat dan mengelakkan penglibatan belia dalam kancang masalah sosial. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan juga dapat mencegah dan mengatasi tingkah laku anti-sosial serta dapat membantu membimbing dan memulihkan pesalah juvana (Brewis, Hill & Stevens, 2010; Hill & Russell, 2009). Keterlibatan belia dalam kerja sukarela berpotensi menjauhkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti anti-sosial dan tingkah laku jenayah (Altman & Feighery, 2004), serta menggalakkan mereka untuk memikul tanggungjawab dalam menjaga maruah keluarga, masyarakat dan nama baik negara (Ludden, 2011).

Ironinya, penglibatan belia dalam aktiviti sukarela memberikan kesan yang positif terhadap pembentukan personaliti, keperibadian, nilai diri, keyakinan dan motivasi mereka. Ini membolehkan mereka menjadi ikon atau contoh terbaik kepada kumpulan belia lain. Untuk itu, penekanan secara holistik terhadap elemen dalaman dan luaran perlu diberikan perhatian khusus bagi membentuk jati diri kesukarelawanan yang unggul dalam kalangan belia Malaysia.

Rumusan

Golongan belia adalah aset dan tunjang masa depan sesebuah negara. Belia bukan sahaja sebagai sumber manusia atau tenaga kerja penting kepada negara tetapi mereka adalah pemimpin masa hadapan yang bakal mencorakkan pemerintahan, pembangunan dan struktur sosial masyarakat. Kejayaan pembentukan jati diri yang unggul dalam kalangan belia menjadi teras kepada pembangunan diri belia secara holistik dan bersepada. Apa yang lebih penting, pemupukan jati diri kesukarelawanan perlu diambil serius, diterapkan dari masa ke semasa secara berterusan dalam mewujudkan penghayatan jati diri yang tinggi dalam kalangan belia. Dalam usaha untuk menerapkan jati diri kesukarelawanan tersebut, elemen dalaman dan luaran perlu difokuskan secara holistik oleh kerana kedua-dua elemen tersebut mempunyai implikasi signifikan sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas diri seseorang individu. Elemen dalaman yang perlu diberikan keutamaan ialah minat, sikap, nilai diri, matlamat hidup, ihsan dan semangat, manakala elemen luaran mencakupi aspek peluang, keluarga, rakan sebaya, agama, ilmu, kerjaya, motivasi dan media sosial. Hakikat yang ternyata, pembentukan jati diri kesukarelawanan memerlukan tindakan pengukuhan

elemen dalaman dan sokongan elemen luaran, yang akan terus meningkatkan penghayatan kesukarelawanan. Penghayatan yang tinggi dalam aspek kesukarelawanan dapat menjamin kebajikan dan kesejahteraan masyarakat, kestabilan negara yang berterusan serta mengukuhkan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Penghargaan

Kajian ini dilaksanakan di bawah geran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) iaitu di bawah *The Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan tajuk kajian Pembentukan Model Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia (FRGS/1/2021/SS0/UPM/02/6). Pasukan kajian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) atas tajaan ini.

Rujukan

Adibah Sulaiman @ Mohamad, Noorsafuan Che Noh & Ezad Azraai Jamsari. (2019). *Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal*. Dalam Mohd Azmir Mohd Nizah, Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman @ Mohamad (Ptyg), *Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET)* (pp 204-210). Pusat Pengajian Teras, USIM.

Ahmad Al Hafiz Ahmad Salim. (2005). *Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian kes di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*. [Projek Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia].

Allen, J. P., Kuperminc, G., Philliber, S., Herre, K. (1994). Programmatic prevention of adolescent behavior problems: The role of autonomy, relatedness, and volunteer service in Teen Outreach programs. *Am. J. Community Psychol*, 22, 617-638.

Altman, D., & Feighery, E. (2004). Future directions for youth empowerment: Commentary on application of youth empowerment theory for tobacco control. *Health Education and Behavior*, 31(5), 641-647. Doi: 10.1177/1090198104268683.

Azizan Bahari. (2003). *Menghayati Kerja Sukarela*. Qarya Sdn Bhd.

Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna Wati Ahmad. (2018). *Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia”*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bezruchka, S. (2000). Medical tourism as medical

harm to the Third World: Why? For whom? *Wilderness & Environmental Medicine*, 2(11), 77-78.

Brewis, G., Hill, M., & Stevens, D. (2010). *Valuing volunteer management*. Institute for Volunteering Research.

Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156-159.

Dorsch, K. D., Riemer, H. A., Sluth, V., Paskevich, D. M., & Chelladurai, P. (2002). *What Affects a Volunteer's Commitment?*. Canadian Centre for Philanthropy.

Eyler, J. S., & Giles, D. E. J. (1999). *Where's the Learning in Service-Learning?*. Jossey-Bass.

Faridah Nor Mohd Yasin. (2005). *Pengetahuan dan penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan komuniti: Satu kajian kes di kalangan mahasiswa UPM*. [Projek Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia].

Geiser, C., Okun, M. A. & Grano C. (2014). Who is motivated to volunteer? A latent profile analysis linking volunteer motivation to frequency of volunteering. *Psychological Test and Assessment Modeling*, 56(1), 3-24.

Grant, S., Maass, S., Vettern, R., Harrington, R., O'Neil, K., Patricia McGlaughlin, P. & Good, T. (2020). The impact of volunteering: A multi-state study of 4-H youth development volunteers. *Journal of Youth Development*, 15(4), 32-50.

Haslinda Abdullah, Dzuhalimi Dahalan, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdulateef Abdullah, Gill, Nobaya Ahmad. (2012). Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7(7), 13-19.

Hill, M., & Russell, J. (2009). *Young People, Volunteering and Youth Projects: A Rapid Review of Recent Evidence*. IVR.

Ho, E., Clarke, A., & Dougherty, I. (2015). Youth-led social change: Topics, engagement types, organizational types, strategies, and impacts. *Futures* 67(2015), 52-62. Doi: 10.1016/j.futures.2015.01.006.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2013). Laporan Tahunan 2013. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Jardim C. & Marques da Silva S. (2018). Young people engaging in volunteering: Questioning a generational trend in an individualized society. *Societies*, 8(1), 8.

- Kuperminc, G. P., Holditch, P. T. & Allen, J. P. (2001). Volunteering and community service in adolescence. *Adolesc Med*, 2(3), 445-57.
- Ludden, A. B. (2011). Engagement in school and community civic activities in rural adolescents. *Journal of Youth Violence*, 40, 1254-1270.
- Majlis Belia Malaysia. (2010). Hala tuju Majlis Belia Malaysia 2010-2012. Kertas kerja dibentangkan pada Majlis Perundingan Belia Negara. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- McKinney, M. L. (2002). Urbanization, biodiversity and conservation. *BioScience*, 52, 883-890.
- Mohd Rizal Mohd Sham. (2014). Transisi usia belia: Rasional dan persediaan generasi muda. *Buletin Fakta*, 4, 6.
- Mohd. Irwan Mohd. Kasim. (2008). *Penglibatan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam kerja-kerja kesukarelawanan komuniti: Satu kajian kes di kalangan mahasiswa Universiti Tenaga Nasional dan Kuala Lumpur Infrastruktur Universiti Kolej*. [Projek Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia].
- Musick, M., & Wilson, J. (2003). Volunteering and depression: The role of psychological and social resources in different age groups. *Social Science and Medicine*, 56(2), 259-269.
- Norehan Abdul Rahman. (2018). Tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dan kesannya terhadap kesejahteraan diri golongan awal dewasa di Kedah. [PhD thesis, Universiti Sains Malaysia].
- Norhafizah Johar. (2008). Motivasi diri dan tahap penglibatan melakukan kerja-kerja kesukarelawanan di kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia, Serdang. [Projek Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia].
- Nur Raihan Che Nawi & Azizan Asmuni. (2013). Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di Yayasan Salam Malaysia. Dalam Prosiding Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDC 2013). Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Oesterle, S., Johnson, M. K. & Mortimer, J. T. (2004). Volunteerism during the transition to adulthood: A life course perspective. *Social Forces*, 82(3), 1123-1149.
- Roberts, B. W., Walton, K. E. & Viechtbauer W. (2006). Patterns of mean-level change in personality traits across the life course: A meta-analysis of longitudinal studies. *Psychological Bulletin*, 132, 1-25.
- Saifuddin Abdullah. (2001). *Gerakan Kesukarelaan Menjana Perubahan Bermakna*. Majlis Belia Malaysia.
- Sarimah Ismail. (2014). Youth volunteerism in Chow Kit, Malaysian: Factors of involvement. *International Conference on Global Trends in Academic Research*. Kuala Lumpur, 2-3 Jun.
- Schlegelmilch, B. B. & Tynan, C. (1989). Who volunteers? An investigation into the characteristics of charity volunteers. *Journal of Marketing Management*, 5(2), 133-151.
- Shariffah Mamat. (2013). Sukarelawan: My Beautiful Malaysia Day 2013. Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Edisi Pertama 2013. Kementerian Belia dan Sukan.
- Sharififar, F., Jamalian, Z., Nikbaksh, R., Ramezani, Z. N. (2011). Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 77, 1078-1082.
- Siti Norkhadhijah Isak. (2007). Pengaruh ciri personaliti prososial dan motivasi terhadap penglibatan aktiviti kesukarelawanan di kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. [Projek Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia].
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohamed Alauddin. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- Tessier, S., Minh-Mguyet, N. & Gagmon, K. (2006). Youth volunteerism. Toronto, Knowledge Development Centre, Imagine Canada.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: satu kajian empirikal. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.
- Turiman Suandi. (2009). *Volunteerism Expanding the Frontiers of Youth Development*. Universiti Putra Malaysia Press.
- UNESCO. (2012). Social and human sciences: Acting with and for youth Available from: <http://www.unesco.org>
- Unit Perancang Ekonomi. (2004). Kualiti Kehidupan Malaysia. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Wasitah Mohd Yusof. (2013). Kesukarelaan. Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Edisi Pertama 2013. Kementerian Belia dan Sukan.

Weinstock, H., Berman, S. & Cates, W. (2004). Sexually transmitted diseases among American youth: Incidence and prevalence estimates, 2000. *Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 36.

Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Review of Sociology*, 26, 215-240.

Wu, J., Lo, T. W. & Liu, E. S. C. (2009). Psychometric properties of the volunteer functions inventory with Chinese students. *Journal of Community Psychology*, 37(6), 769-780.

Xu, Y. & Ngai, N. P. (2011). Moral resources and political capital: Theorizing the relationship between voluntary service organizations and the development of civil society in China. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 40, 247-269.

Youniss, J., Mclellan, J. M. & Mazer, B. (2001). Voluntary service, peer group orientation, and civic engagement. *Journal of Adolescent Research*, 16(5), 456-468.